

**CABARAN PEDAGOGI NORMA BAHARU DI KOLEJ UNIVERSITI ISLAM PERLIS (KUIPs) KETIKA PANDEMIK WABAK KORONAVIRUS COVID-19
CHALLENGES OF NEW NORMS PEDAGOGY AT KOLEJ UNIVERSITI ISLAM PERLIS (KUIPs) DURING COVID-19**Nor Musfirah binti Mohamad ^{1*}¹ Pensyarah, Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs), musfirah@kuiips.edu.my

* Penulis Penghubung

Artikel diterima: 16 Nov 2020

| Selepas Pembetulan: 12 Jan 2021

| Diterima untuk terbit: 30 Jan 2021

Abstrak

Penularan wabak Covid-19 memberikan impak terhadap sektor pendidikan negara. Ini menyebabkan aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) di semua institusi pendidikan tinggi seperti universiti awam dan swasta, kolej universiti, kolej, terganggu dan tertangguh. Inisiatif kerajaan melalui Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) mengambil langkah dengan mengeluarkan arahan agar semua aktiviti PdP hendaklah dilaksanakan secara dalam talian serta melarang sama sekali aktiviti PdP secara bersemuka kecuali kepada kes-kes tertentu bagi mengelakkan pelajar-pelajar ketinggalan dalam pelajaran. Persoalan kajian ini adalah bagaimana pendekatan Pedagogi Norma Baharu yang diaplikasikan oleh pensyarah kepada pelajar dan sejauhmana cabaran pdp secara dalam talian terhadap pelajar dan pensyarah Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs). Kertas kerja ini bertujuan untuk menganalisis Cabaran Pedagogi Norma Baharu Di Kolej Universiti Islam Perlis (Kuiips) Ketika Pandemi Wabak Koronavirus Covid-19. Metode kajian yang digunapakai adalah kajian kualitatif melalui pemerolehan terhadap sumber kepustakaan yang pelbagai dengan meneliti buku-buku, jurnal-jurnal, serta laporan pihak yang berkepentingan dalam isu Covid-19 di Malaysia. Selain itu, teknik observasi dan temu bual online dengan pensyarah dan pelajar turut dijalankan. Data-data yang dikumpul dianalisis dan dihuraikan dengan menggunakan kaedah induktif, deduktif dan komparatif bagi mendapatkan natijah yang sesuai selaras dengan objektif artikel yang telah ditetapkan. Dapatan kajian mendapati sebelum penularan Covid 19, pelaksanaan pedagogi hampir keseluruhannya bersifat konvensional. Namun, impak wabak pandemik koronavirus Covid-19 mengubah pendekatan Pedagogi Norma Baharu sepanjang tempoh PKP berlangsung. Pendekatan tersebut ialah Pembelajaran Dari Rumah (Home Based Learning), Pembelajaran Atas Talian (On Line Learning) dan Remote Learning. Walaupun dengan pelbagai kekangan yang terpaksa dihadapi berikutan dengan pelaksanaan pembelajaran atas talian ini, kualiti graduan tidak akan sedikitpun terjejas memandangkan Program Learning Outcome (PLO) dan Course Learning Outcome (CLO) kekal dipatuhi. Antara cabaran pedagogi norma baharu dikalangan pelajar Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs) adalah dari segi capaian internet yang lemah dan rendah, dari aspek kewangan di mana pelajar merasa terbeban apabila mereka terpaksa mengeluarkan duit untuk membeli data internet. Selain itu, suasana pembelajaran yang tidak kondusif untuk belajar seperti suasana riuh di rumah, ruang belajar yang tidak selesa akan menyebabkan mereka sukar untuk memberi tumpuan ketika sesi e-pembelajaran dijalankan. Di samping itu, ketiadaan atau kerosakan peranti elektronik menyukarkan pelajar untuk mengikuti segala pembelajaran dalam talian. Cabaran yang dikalangan pensyarah adalah pelajar tidak mengikuti kelas mengikut jadual yang ditetapkan. Di samping itu, pensyarah perlu berusaha mempelajari menggunakan platform pembelajaran atas talian yang sesuai dalam pembelajaran atas talian seperti Google Classroom, youtube,

video, whatsapp, voice message, Google Meet dan email sebagai pelantar untuk menyediakan bahan pengajaran dan pembelajaran, mengedarkan tugas, penghantaran jawapan tugas, pengumuman serta menguruskan semua aktiviti kelas atas talian.

Kata kunci

Pedagogi, Norma baharu, Cabaran, Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs), Pandemik wabak Koronavirus Covid 19

Abstract

The spread of the Covid-19 brings together with it impacts towards the country's education sector, among other sectors. This causes teaching and learning activities (PdP) in all higher education institutions such as public and private universities, university colleges and colleges to be disrupted and delayed. The government's initiative through the Ministry of Higher Education (MOHE) by issuing instructions that all PdP activities should be implemented online and to prohibit all face-to-face PdP activities except in certain cases are taken especially to prevent students from missing out on lessons. The research question is how lecturers apply the New Norms Pedagogical approach for the students and the extent of online PdP challenges faced by both students and lecturers of Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs). This paper aims to analyze the New Norms Pedagogical Challenges at the Islamic University College of Perlis (KUIPs) during the Covid-19 Pandemic. The research method used is a qualitative study through exploration of various library resources by examining books, journals, and reports of stakeholders in the issue of Covid-19 in Malaysia. In addition, observation techniques and online interviews with both lecturers and students are also conducted. The data collected are analyzed and parsed using inductive, deductive, and comparative methods to obtain appropriate results in line with the objectives of the article that has been set. The findings of the study found that before the transmission of Covid-19, the implementation of pedagogy is almost entirely conventional. However, the impact of the Covid-19 pandemic changed to the New Norma Pedagogical approach throughout the MCO period. The approaches involved are; Home Based Learning, Online Learning and Remote Learning. Despite various constraints that have to be faced following the implementation of this online learning, the quality of graduates will not be in the least affected as the Learning Outcome Program (PLO) and Course Learning Outcome (CLO) are adhered to. Among the pedagogical challenges of the new norm among Kolej Universiti Islam Perlis' (KUIPs) students is in terms of weak internet access; from the financial aspect in which students are burdened when they have to spend money to buy Internet data. In addition, there is also learning environment that is non-conducive to learning such as noisy atmosphere at home and uncomfortable learning space that will make it difficult for them to focus during e-learning sessions. In addition, the absence or damage towards electronic devices makes it difficult for students to follow every online learning session. The challenge among lecturers is that students do not attend classes according to the set schedule. In addition, lecturers should strive to learn using appropriate online learning platforms in online learning such as Google Classroom, Youtube, video recording, WhatsApp, voice message, Google Meet and email as a platform to provide teaching and learning materials, distribute assignments, send answers assignments, announcements as well as managing all online classroom activities.

Keywords

Pedagogy, New Norms, Challenges, Islamic University College of Perlis (KUIPs), Covid-19 pandemic

1.0 Pengenalan

Sejarah bermula 18 Mac 2020 satu tarikh yang terpahat dalam ingatan buat seluruh rakyat Malaysia khususnya dan seluruh warga Kolej Universiti Islam amnya, berlaku

gelombang pandemik wabak koronavirus (Covid19) yang masih belum ditemui vaksin dan meragut ratusan rakyat Malaysia. Justeru, bagi mengurangkan kadar kebolehtangkitan tindakan pencegahan diambil oleh pihak KPM dengan nasihat pihak KKM iaitu mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 2020 dilaksanakan di seluruh negara.

Dari sudut pandang pendidikan, bagi mendepani gelombang pandemik korona virus ini seiring norma baharu, lanskap pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) di Kolej Universiti Islam turut mengalami perubahan. Kaedah pembelajaran atas talian dianggap pilihan terbaik dalam keadaan yang menggugat ini mengambil tempat pelaksanaan PdPc sebelum ini secara konvensional. Namun ia perlu ditadbir urus dengan baik oleh pensyarah dan pelajar. Pensyarah berperanan menggunakan kreativiti mereka untuk berinteraksi dengan pelajar walaupun berjauhan secara atas talian/ alam maya. Sebarang aplikasi termasuk *WhatsApp*, *Google Classroom*, *Webex*, *zoom*, *Telegram* dan lain-lain perlulah diintegrasikan dalam menjayakan proses pembelajaran. Disamping itu, pelajar juga perlu bijak membuat perancangan pembelajaran mereka sendiri. Perancangan seorang pelajar adalah merangkumi perancangan perkara yang hendak dipelajari dan menelaah bahan atau rujukan yang telah dimuatnaik oleh para pensyarah di platform pembelajaran maya. Selain itu, mereka perlu mahir menyusun masa mengikut keutamaan agar tidak timbul sebarang tekanan dalam menyelesaikan sesuatu tugas.

2.0 Sorotan Kajian

Secara lazimnya sebelum penularan Covid 19, pelaksanaan pedagogi sebelum norma baharu hampir keseluruhannya bersifat konvensional. Satu hasil kajian Jumal menyatakan bahawa sistem pembelajaran yang melibatkan visual memberikan impak yang baik kepada pelajar tetapi tidak pada sistem pembelajaran tradisional. Pedagogi tersebut melibatkan interaksi kuliah pensyarah dan pelajar, tutorial, amali dan projek. Kuliah diadakan pada setiap minggu mengikut jadual waktu yang ditetapkan. Raiyn (2016),

Di samping itu, terdapat pelbagai strategi pengajaran yang berpusatkan kepada pelajar turut dilaksanakan. Antaranya adalah Pembelajaran Berasaskan Projek (Project-based Learning) dan Pembelajaran Berasaskan Masalah (Problem-based Learning). Penggunaan Unit Plan, Portfolio Pembelajaran, kajian kes, penyelidikan tindakan, pentaksiran prestasi (performance assessments), penilaian tugasan terarah, dan penilaian portfolio dilaksanakan bagi memastikan pembelajaran diaplikasi kepada masalah amalan atau praktis yang sebenar. Di samping itu pelajar juga diwajibkan menjalani praktikum, internship, latihan industri atau service learning akan dilaksanakan sepanjang pengajian untuk mengaplikasikan teori dalam situasi sebenar. Pembelajaran atas talian turut digunakan di IPTI (KU) sebagai sokongan kepada pembelajaran konvensional dalam bilik kuliah. Namun begitu, pada peringkat ini, penggunaan pembelajaran ini agak terhad. Pelantar pembelajaran atas talian pada masa ini lebih berperanan sebagai repositori untuk mendapatkan bahan pembelajaran yang berbentuk slaid power point, nota berformat PDF dan soalan kuiz dan tutorial. Zawiah binti Bahrom (2020)

Menurut Mat Dawi et al.(2016), pembelajaran berteraskan teknologi dan atas talian dilaksanakan bagi meneruskan pengajian. Pengendalian proses pembelajaran dan pengajaran perlulah dikekalkan secara kreatif dan diberi suntikan inovatif sepanjang

sesi interaksi bersama pelajar dijalankan. Ini menjadikan faktor jarak antara pensyarah dan pelajar tidak menjadi penghalang kepada pelaksanaan proses pembelajaran. Di samping itu, berdasarkan pandangan (Hussin, 2017), pengajar dan warga pendidik masih kekal berhubung dengan pelajar walaupun berada dalam jarak lokasi yang jauh melalui interaksi atas talian

Dalam usaha melaksanakan pembelajaran atas talian, pensyarah perlu mengambil kira tahap produktiviti mereka. Oleh sebab itu, pembelajaran jenis ini mendapat penerimaan dan sambutan yang baik daripada pelajar (Agatha F. Umbit & Muhamad Suhaimi Taat, 2016). Jadi, pembelajaran dalam talian secara terus seperti aplikasi Google Meet bukan menjadi pilihan utama pada ketika itu. Pilihan yang baik dalam talian yang bukan 'real time' adalah menggunakan GC dan WhatsApp. penerimaan pelajar terhadap pembelajaran atas talian kerana setiap pelajar mempunyai tanggapan tersendiri terhadap pembelajaran atas talian. Pelajar menganggap pembelajaran atas talian mudah digunakan dalam proses pembelajaran dan dapat meningkatkan

Huang (2020) yang menjelaskan bahawa teknik pembelajaran atas talian mestilah menepati karekter pelajar, aras pemikiran pelajar serta keupayaan penyertaan pelajar dalam PdP. Hal ini bagi memastikan sesi PdP menjadi lebih bermakna dan menepati sasaran hasil pembelajaran. Pelajar juga dilihat belum dapat menyesuaikan diri sepenuhnya dalam kelas maya. Hal ini kerana suasananya berbeza daripada kelas biasa. Pembelajaran maya (cybergogy), pembelajaran sendiri (heutagogy) dan pembelajaran berorientasikan rakan sebaya (paragogy) masih agak asing kepada para pelajar. Bukanlah mudah bagi pelajar ini menghadapi perubahan gaya pembelajaran. Hal ini ditambah lagi dengan keterbatasan pergerakan pelajar memanfaatkan sumber dalam talian seperti youtube dan buku elektronik.

Sudah pasti keberkesanan pembelajaran atas talian yang dilaksanakan tidaklah seperti interaksi secara fizikal. Namun begitu, semasa PKP berlangsung, pembelajaran atas talian hanyalah satu-satunya pilihan yang ada. Menurut kajian oleh Sun, Strobel dan Newby (2017) mendapati wujudnya pengaruh kesediaan terhadap pengintegrasian teknologi dalam bilik darjah. Oleh itu, dalam aspek perancangan PdP, pensyarah perlu mengambil kira faktor pemilihan aplikasi yang bersesuaian agar dapat memenuhi keperluan capaian pelajar sebelum sesi PdPc berlangsung.

3.0 Metodologi Kajian

Metode kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah kajian kualitatif. Pengumpulan data *pendekatan Pedagogi Norma Baharu yang diaplikasikan oleh pensyarah kepada pelajar* di Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs) ketika pandemik wabak koronavirus Covid-19 dilakukan berdasarkan melalui data sekunder melalui prosedur kualiti Garis Panduan e-PembelajaranKUIPs, Garis Panduan Bentuk Penilaian Akhir, Prosedur Penilaian Berterusan di bawah Jabatan Hal Ehwal Akademik (JHEA), Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs). Maklumat garis panduan tersebut berkuatkuasa perlaksanaan bermula setelah *kerajaan melalui Kementerian Pengajian Tinggi (KPT)* mengambil langkah dengan mengeluarkan arahan agar semua aktiviti PdP hendaklah dilaksanakan secara dalam talian serta melarang sama sekali aktiviti PdP secara bersemuka pada perintah pergerakan Pergerakan (PKP) 1.0 sehingga PKP 2.0. Kajian perpustakaan juga diguna pakai dalam membincangkan

konsep Pedagogi sebelum Norma Baharu dan pedagogi Norma Baharu ketika wabak pandemic Covid 19 di Malaysia.

Selain itu, pengumpulan data mengenai Cabaran Pedagogi Norma Baharu Di Kolej Universiti Islam Perlis (Kuips) Ketika Pandemik Wabak Koronavirus Covid-19 dilakukan melalui teknik observasi dan temu bual online dengan pensyarah dan pelajar KUIPs.

Data-data yang dikumpul dianalisis dan dihuraikan dengan menggunakan kaedah induktif, deduktif dan komparatif bagi mendapatkan natijah yang sesuai selaras dengan objektif artikel yang telah ditetapkan. Analisis data akan menunjukkan pelaksanaan Pedagogi Norma Baharu di Kolej Universiti Islam Perlis (KUIP) ketika pandemik wabak Koronavirus Covid-19. Keputusan analisis akan diterjemahkan bagi mendapat cabaran pelaksanaan Pedagogi Norma Baharu di Kolej Universiti Islam Perlis (KUIP) ketika pandemik wabak Koronavirus Covid-19 di kalangan pensyarah dan pelajar KUIPs.

4.0 Pedagogi Norma Baharu Di Kolej Universiti Islam Perlis (Kuips) Ketika Pandemik Wabak Koronavirus Covid-19

Fenomena pandemik koronavirus Covid 19 telah memberikan impak terhadap sistem pembelajaran di institusi ini. Kesannya, sesi pembelajaran bermula bulan Mac 2020 sehingga Januari 2021 diteruskan melalui kaedah online di kediaman masing-masing. Walaupun dengan pelbagai kekangan yang terpaksa dihadapi berikutan dengan pelaksanaan pembelajaran atas talian ini, kualiti graduan tidak akan sedikitpun terjejas memandangkan *Program Learning Outcome (PLO)* dan *Course Learning Outcome* kekal dipatuhi.

Secara umumnya, pelajar di KUIPs melalui 3 pendekatan Pedagogi Norma Baharu sepanjang tempoh PKP berlangsung. Pendekatan tersebut ialah Pembelajaran Dari Rumah (*Home Based Learning*), Pembelajaran Atas Talian (*On Line Learning*) dan *Remote Learning*. Zawiah binti Bahrom (2020). Pendekatan Pembelajaran Dari Rumah bermaksud memindahkan proses pembelajaran dari bilik kuliah ke rumah. Proses ini dilaksanakan dengan jaringan internet melalui kaedah pembelajaran atas talian dan luar talian (offline). Pembelajaran luar talian turut melibatkan pembacaan buku dan penulisan tugas serta tugas tutorial yang dimuatnaik dalam *Google Classroom*. Huang (2020) pula menyatakan bahawa pemilihan pembelajaran atas talian perlulah mengambil kira manfaat yang akan diperoleh guru. Peralatan yang digunakan mestilah memudahkan proses pemerolehan sumber dengan pantas, memuatnaik pengumuman (notifikasi) untuk menguruskan pelajar

Pendekatan kedua pedagogi norma baharu adalah Pembelajaran Atas Talian turut digunapakai dalam melancarkan proses PdP semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berlangsung. Pembelajaran Atas Talian merupakan bentuk pengajaran dan pembelajaran yang disampaikan melalui penggunaan teknologi digital. Pembelajaran ini mempunyai grafik visual, perkataan, animasi, video dan audio. Ia juga dilengkapi dengan kemudahan pembelajaran secara berkumpulan dengan bantuan oleh tenaga pengajar secara atas talian. Pembelajaran atas talian dilaksanakan tanpa mengira jarak dan jumlah ahli yang melayarinya. Platform Pembelajaran Atas Talian yang digunakan ialah Google Classroom, youtube, video, whatsapp, voice message,

Google Meet dan email. Aplikasi google classroom misalnya boleh dijadikan sebagai pelantar untuk menyediakan bahan pengajaran dan pembelajaran, mengedarkan tugasan, penghantaran jawapan tugasan, pengumuman serta menguruskan semua aktiviti kelas atas talian.

Majoriti pensyarah KUIPs menggunakan medium *Google Classroom* (GC) dalam PdP atas talian. GC merupakan aplikasi yang terdapat di Google. Melalui GC, pensyarah boleh mencipta kelas sendiri dan berinteraksi dengan pelajar secara maya. Pelajar boleh mendaftar masuk GC melalui kod kelas yang diberikan. Selain itu, melalui GC, pensyarah boleh membekalkan pelajar dengan nota, slaid power point yang mengandungi isi kandungan pembelajaran yang bakal dilaksanakan. Perancangan pembelajaran perlu dilaksanakan oleh pelajar terhadap pembelajaran yang bakal dilalui oleh mereka. Pelajar perlu berada dengan pengetahuan sedia ada tentang isi pembelajaran semasa pembelajaran sebenar berlangsung. Dengan cara ini, sesi pembelajaran sebenar akan berlangsung secara interaktif dan tidak bersifat pasif. Pada masa yang sama, video yang terpilih dari youtube boleh dimuatnaik atas tujuan membuka minda pelajar terhadap isi pembelajaran agar motivasi dan perasaan ingin tahu pelajar terhadap sesi pembelajaran meningkat. Video pengajaran sesuai digunakan sebagai bahan pengajaran tambahan kerana membawa impak positif dari segi menarik minat dan prestasi pelajar terhadap pembelajaran (Jane Wortlitz, 2016). Memuatnaik slaid power point dan video merupakan inisiatif dalam menyediakan pembelajaran melalui visual kepada pelajar bagi meningkatkan minat mereka terhadap pembelajaran atas talian. Minat yang tinggi oleh seseorang pelajar akan memudahkan proses pembelajaran.

Aplikasi GC membolehkan pensyarah KUIPs memuatnaik soalan tutorial, soalan ujian dan kuiz. Selain itu, peperiksaan akhir semester digantikan dengan penilaian akhir sepanjang tempoh PKP. Antara yang kaedah penilaian yang diberi pilihan kepada pensyarah dalam menjalankan penilaian akhir adalah seperti berikut:

- i. Kaedah *Take Home Exam*
- ii. Kaedah *Online Exam (exam.net)*
- iii. Kaedah *Open Book Exam (exam.net)*
- iv. Kaedah *Assignment preparation* (Tugasan Akhir)

Kaedah *Online Exam* dan Kaedah *Open Book Exam* dijalankan secara life-online di selia bawah unit peperiksaan. Bagi kaedah *Take Home Exam* dan Tugasan akhir boleh dikawal selia oleh pensyarah masing-masing menggunakan platform GC atau lain-lain yang bersesuaian. (Jabatan Hal Ehwal Akademik, KUIPs, 2020)

Pelaksanaan tutorial pula dilaksanakan secara luar talian. Pelajar akan menyediakan jawapan soalan tutorial di luar talian (offline) dan penghantaran jawapan tutorial adalah melalui e-mel atau menerusi GC. Kaedah offline ini diimplimentasikan supaya pelajar lebih bertanggungjawab terhadap pembelajaran sendiri mereka. Perkara ini turut ditegaskan oleh (Shi, 2020) yang menjelaskan bahawa bimbingan secara offline perlu diberi penekanan oleh guru agar berpeluang membimbing pelajar melakukan pembelajaran sendiri secara luar talian serta bertanggungjawab terhadap pembelajaran mereka. Hal inilah yang disebut juga sebagai teknik pembelajaran berasaskan mod campuran atau *blended learning*. Menurut Abdul Rabu dan Hussin (2018) serta Al-Bahrani dan Patel (2015) mod campuran kelihatan sukar namun ia mampu membantu sebarang masalah dan kebarangkalian yang tidak dijangka.

Pendekatan ketiga yang dilaksanakan ialah (Remote Learning). Menurut Abdul Latip (2020), Remote Learning ini dilaksanakan melalui sistem “Flexible Learning”. Sistem ini memiliki beberapa ciri iaitu,

- i. pembelajaran boleh dilaksanakan di mana-mana tanpa mengira masa
- ii. pelajar boleh belajar apa-apa sahaja yang diinginkan
- iii. sumber pembelajaran dibekalkan oleh pensyarah atau sumber yang tersediadalam pelbagai web
- iv. pengajar memiliki pilihan dalam menentukan pelaksanaan pembelajaran (tutoring, pembelajaran sendiri, seminar, debat, dan diskusi secara online), dan
- v. pelaksanaan penilaian perlu menggunakan sistem yang lebih fleksibel, mesra pelajar dan mudah diakses oleh pelajar.

Berdasarkan pendapat Zawiah binti Bahrom (2020), pembelajaran berlaku apabila pelajar dan pensyarah serta sumber pengajaran dan pembelajaran terpisah oleh masa dan jarak lantaran ketidakupayaan melaksanakan kelas secara konvensional. Pada masa ini teknologi telah memudahkan pengajaran dan pembelajaran jarak jauh dengan penggunaan pelbagai jenis peranti melalui akses internet. Informasi dapat disampaikan melalui e-mel, video konferens, platform perbincangan digital tanpa interaksi secara fizikal. Remote Learning boleh berlangsung secara segerak dan tidak segerak atau sebagai Hybrid Learning. Cara pembelajaran ini diaplikasikan dengan mengintegrasikan pembelajaran bersemuka atas talian dengan pembelajaran sendiri. Melalui cara ini, pelajar boleh belajar pada bila-bila masa dengan bahan belajar yang telah dimuatnaik dalam aplikasi tertentu. Kesannya, kolaborasi antara pensyarah dan pelajar akan wujud melalui perkakasan komunikasi chatroom, diskusi, e-mel dan sebagainya.

5.0 CABARAN PEDAGOGI NORMA BAHARU DI KOLEJ UNIVERSITI ISLAM PERLIS (Kuips) KETIKA PANDEMIK WABAK KORONAVIRUS COVID-19

Berdasarkan pedagogi norma baharu yang dilaksanakan di KUIPs, terdapat pelbagai cabaran pelaksanaan pedagogi norma baharu di yang dihadapi oleh pensyarah dan pelajar. Melalui observasi dan temu bual online bersama pelajar KUIPs menjelaskan cabaran tersebut kepada pelajar adalah seperti berikut:

- i. Capaian internet tidak memuaskan

Masalah jaringan internet yang tidak kuat pada kawasan khususnya di kampung dan pedalaman atau sesetengah perumahan menyebabkan banyak pelajar tidak dapat mengikuti sesi pembelajaran yang telah dijadualkan. Hal ini menyebabkan mereka banyak ketinggalan dari segi pemahaman sesuatu subjek pelajaran yang diambil. Ada antara mereka gagal memuat turun bahan pengajaran yang dibekalkan dalam GC akibat capaian internet yang rendah atau kehabisan data. Rangkaian Internet yang kurang memuaskan walaupun telah menambah kredit, mungkin disebabkan kerana

ramai yang menggunakannya ataupun hujan, ia juga turut mengakibatkan proses pembelajaran bagi seorang pelajar terbantut dan kurang memahami dengan lebih baik .

ii. Suasana pembelajaran yang tidak kondusif

Masalah ini dirasakan bagi golongan yang tinggal di rumah yang sempit dan perlu berkongsi bilik bersama adik-beradik yang lain sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB). Hal ini pasti menjadi antara cabaran pembelajaran atas talian buat pelajar meliputi suasana persekitaran yang bising, ruang belajar yang tidak selesa tiada meja dan kerusi yang sesuai akan menyebabkan mereka sukar untuk memberi tumpuan ketika sesi e-pembelajaran dijalankan. Suasana pembelajaran amatlah penting bagi pelajar bagi memastikan pelajar dapat fokus semasa proses pembelajaran dalam talian.

iii. Dari aspek kewangan.

Program perisian dan sambungan ke internet adalah aspek yang paling penting dalam kelas dalam talian ini. Pelajar perlu membeli perisian terkini untuk mengakses program dalam talian mereka, atau membayar tambahan untuk menaik taraf ke internet berkelajuan tinggi. Ini mungkin menyukarkan pelajar yang kurang berkemampuan untuk belajar secara berkesan kerana kekurangan kemudahan akses internet berbanding dengan mereka yang mampu membeli segala perisian serta internet berkelajuan tinggi. Pelajar merasa terbeban apabila mereka terpaksa mengeluarkan duit untuk membeli data internet bagi membolehkan mereka menghadiri kelas dalam talian, peperiksaan dalam talian dan juga untuk menghantar tugas.

iv. Tiada kemudahan kemudahan peranti elektronik dan kerosakan secara tiba-tiba.

Hampir semua pelajar ada smartphone namun kurang mampu untuk retrieve data or connect dengan internet. Bagi pelajar yang kurang berkemampuan, yang tiada kemudahan gajet seperti laptop, pasti menyukarkan pelajar untuk mengikuti segala pembelajaran dalam talian menjadikan ia cabaran buat pelajar. Sekiranya berlaku kerosakan telefon bimbit atau laptop atau komputer secara tiba-tiba pasti menyukarkan pelajar untuk mengikuti segala pembelajaran dalam talian yang diusahakan oleh pensyarah dan seterusnya akan menyebabkannya ketinggalan berbanding rakan-rakan yang lain bagi pelajar yang kurang berkemampuan, yang tiada kos untuk membaiki gajet tersebut.

Berdasarkan observasi dan temu bual online bersama pensyarah KUIPs, mendapati beberapa cabaran pedagogi norma baharu di kalangan pensyarah iaitu:

i. Mod bekerja dari rumah

Pensyarah KUIPs juga terkesan dengan mod bekerja dari rumah. PdP atas talian adalah satu-satunya pilihan yang ada. Jadi, duduk bersedia di depan komputer dan telefon bimbit adalah alternatif yang utama. Sebagai pensyarah, tidak boleh lagi selesa dengan kaedah konvensional dan perlu mengubah cara berkerja. Pada pandemik ini, teknologi menjadi teman setia kepada pensyarah sebagai alat bantu proses PdP. Berlakunya penularan Pandemik Covid 19, meminta pensyarah cakna akan latar belakang sosio-ekonomi pelajar dan tahap pembelajaran mereka. Mereka perlu sedar keupayaan pelajar dalam mengikutipembelajaran atas talian yang dilaksanakan. Demi mengambil kira kepentingan semua pelajar, pembelajaran segera dan tidak segera diimplemenkan. Hal ini bagi memenuhi keperluan pelajar yang berbeza latar belakang dan PdP secara inklusif dapat diadakan kepada semua pelajar.

ii. Pemilihan platform atas talian yang sesuai

PdP atas talian yang berpusatkan pelajar turut dijalankan. Interaksi antara pensyarah dan pelajar diperkukuh apabila mereka boleh melihat antara satu sama lain melalui medium google meet dan video pengajaran yang disediakan oleh pensyarah. Kandungan kuliah digital yang mengandungi video pengajaran dan interaksi bersemuka secara maya dengan elemen wajah dan suara membolehkan interaksi secara verbal dapat dilaksanakan. Pensyarah perlu mengoptimumkan pelbagai aplikasi bagi tujuan mencapai hasil pembelajaran. Dalam masa yang sama mereka boleh meminta maklum balas daripada pelajar tentang kaedah PdP yang dilaksanakan untuk memastikan keberkesannya. Pandemik Covid 19 sebenarnya meminta pensyarah bersedia dengan perubahan corak pendidikan pada masa depan.

Pensyarah dan pelajar perlu mengadaptasi PdP yang berfokus Self-Directed (proses pembelajaran atas kehendak pelajar), Multi-sources (menggunkan pelbagai sumber, media, dan saluran pembelajaran), Life-long learning (pembelajaran sepanjang hayat), ICT base (pembelajaran menggunakan teknologi informasi), memiliki motivasi, sikap yang mudah mengadaptasi akan perubahan serta memiliki growth mindset dan bukannya fixed mindset (Wibawa, 2018) *menggunkan platform pembelajaran atas talian yang sesuai dalam pembelajaran atas talian seperti Google Classroom, youtube, video, whatsApp, voice message, Google Meet dan email sebagai pelantar untuk menyediakan bahan pengajaran dan pembelajaran, mengedarkan tugas, penghantaran jawapan tugas, pengumuman serta menguruskan semua aktiviti kelas atas talian.*

iii. Penyediaan bahan pengajaran sebelum PdP atas talian

Pensyarah perlu lebih bersedia dan menyediakan bahan pengajaran sebelum PdP berlangsung. Dalam masa yang sama, mereka perlu menyediakan bahan pengajaran yang kreatif agar PdP dapat disampaikan kepada pelajar secara inklusif dan holistik. Semasa tempoh PKP berlangsung, pelajar lebih selesa menggunakan aplikasi WhatsApp untuk sesi PdP. Hal ini kerana terdapat sebilangan daripada mereka yang tidak mampu mengakses internet dengan stabil. Pensyarah boleh menyediakan video pengajaran. Video penerangan tentang isi pembelajaran ini boleh membuatkan pensyarah seolah-olah berada di hadapan bilik kuliah dan sedang mengajar pelajar.

iv. Keberkesanan pembelajaran

Pembelajaran online juga tidak mendisiplin segelintir pelajar dan bersikap sambil lewa kerana pembelajaran adalah mengikut kesesuaian masa mereka. Apabila kelas pembelajaran dijalankan secara dalam talian, pelajar-pelajar tidak perlu ke kelas. Hal ini tidak memaksa seorang pelajar untuk bangun awal. Oleh sebab itu, adapun kelas dalam talian pada waktu pagi mereka kemungkinan terlepas untuk beberapa kali menyebabkan pelajar ketinggalan dalam memahami topik-topik yang diajar oleh pensyarah. Pelajar yang mengambil kelas dalam talian juga tidak mempunyai peluang untuk berinteraksi secara bersemuka dengan pensyarah dan pelajar lain. Seterusnya, pensyarah tidak akan tahu akan kemampuan para pelajarnya kerana tidak bersemuka dan berbincang secara perseorangan. Komunikasi juga tidak berkesan semasa pembentangan online kerana mungkin kelajuan internet tidak begitu memuaskan.

6.0 Kesimpulan

Implikasi penularan wabak Covid19 yang berlaku di Malaysia turut memberikan tempas terhadap sistem pendidikan negara. Sistem pendidikan konvensional telah berubah menjadi sistem pembelajaran atas talian. Pendekatan e-pembelajaran dan e-perkhidmatan perlu diperkasa dalam meningkatkan sistem pendidikan negara dan keberkesanan perkhidmatan.

Pembelajaran Atas Talian merupakan bentuk pengajaran dan pembelajaran yang disampaikan melalui penggunaan teknologi digital. Pembelajaran ini mempunyai grafik visual, perkataan, animasi, video dan audio. Ia juga dilengkapi dengan kemudahan pembelajaran secara berkumpulan dengan bantuan oleh tenaga pengajar secara atas talian. Pembelajaran atas talian dilaksanakan tanpa mengira jarak dan jumlah ahli yang melayarinya. Platform Pembelajaran Atas Talian yang digunakan ialah *Google Classroom*, *youtube*, *video*, *whatsapp*, *voice message*, *Google Meet* dan email. Aplikasi google classroom misalnya boleh dijadikan sebagai pelantar untuk menyediakan bahan pengajaran dan pembelajaran, mengedarkan tugas, penghantaran jawapan tugas, pengumuman serta menguruskan semua aktiviti kelas atas talian.

Tetapi, berlaku cabaran terhadap pembelajaran atas talian yang perlu dihadapi oleh pensyarah dan pelajar antaranya tidak semua pelajar mempunyai capaian internet yang baik di kediaman mereka khususnya di kampung dan pedalaman. Kekurangan prasarana internet di kawasan luar bandar menjadi halangan penggunaan kaedah pembelajaran atas talian sepenuhnya di negara kita. Tidak semua pelajar masuk ke dalam kelas maya tepat pada waktunya akibat halangan internet. Ada antara mereka gagal memuat turun bahan pengajaran yang dibekalkan dalam GC akibat capaian internet yang rendah atau kehabisan data. Huang (2020) yang menjelaskan bahawa teknik pembelajaran atas talian mestilah menepati karekter pelajar, aras pemikiran pelajar serta keupayaan penyertaan pelajar dalam PdP. Hal ini bagi memastikan sesi PdP menjadi lebih bermakna dan menepati sasaran hasil pembelajaran.

7.0 Rujukan

- Abdul Latip. (2020). Peran Literasi Teknologi Informasi Dan Komunikasi Pada Pembelajaran Jarak Jauh Di Masa Pandemi Covid-19. *EduTeach: Jurnal Edukasi dan Teknologi Pembelajaran*, Volume 1, No. 2 Edisi Jun 2020.
- Abdul Rabu, S.N. & Hussin, H. (2018). QR Code Utilization in a Large Classroom: Higher Education Students' Initial Perceptions. *Education and Information Technologies*, 23(93), 1-26.
- Aedil Musharraf bin Apna @ Afnan, pelajar Diploma Syariah Fakulti Pengajian Islam, KUIPs, Temu bual pada 31 Januari 2021.
- Azhan Taqiyadin bin Arizan, Pensyarah, Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Kolej Universiti Islam Perlis, Temu bual pada 1 Februari 2021.
- BERNAMA. 2020. COVID-19: Pendidikan menerusi dunia maya cabaran baharu buat guru <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/05/689322/covid-19-pendidikan-menerusi-dunia-maya-cabaran-baharu-buat-guru>. 29 November 2020.
- Dr Ehwan Ngadi. (2020). COVID19: Implikasi Pengajaran dan Pembelajaran Atas Talian. <https://www.usim.edu.my/news/in-our-words/covid19-implikasi-pengajaran-dan-pembelajaran-atas-talian/> 20 November 2020.
- Dr Hayati Ismail. (2020). COVID-19 pemangkin perubahan dalam pendidikan. <https://www.usim.edu.my/ms/berita/in-our-words-ms/covid-19-pemangkin-perubahan-dalam-pendidikan/> 25 November 2020.
- Dr Natasya Abdullah. (2020). Cabaran pelaksanaan penilaian dalam talian di IPT. <https://www.bernama.com/bm/tintaminda/news.php?id=1849732> 25 November 2020.
- Huang, R., Zhang, M., Shen, Y., Tian, Y. & Zeng, H. (2020) Research on the core elements of an ultra-large-scale Internet education organization: Case analysis of online education *ResAudiovis Edu*, 41(3):10-19.
- Hussin, N. (2017). Penggunaan Laman Web Sebagai Transformasi dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam. *OJIE: Online Journal of Islamic Education*, 1(2).
- Ierwan Ismail. (2020). Norma Baharu Dalam Pendidikan, Cabaran Buat Pendidik MARA. <https://ewarta.mara.gov.my/2020/11/12/norma-baharu-dalam-pendidikan-cabaran-buat-pendidik-mara/>. 27 November 2020.
- Mat Dawi, A.H., Theam, L.S., Palaniandy, M. & Dolah, J. (2016).
- Muhammad Firdaus bin Zainol Abidin, pelajar Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam, Fakulti Pengajian Islam, KUIPs, Temu bual pada 31 Januari 2021.

Muhammad Asyraf bin Kamaruddin, pelajar Diploma Pengajian Islam, Fakulti Pengajian Islam, KUIPs, Temu bual pada 31 Januari 2021.

Muhammad Husni bn Hasbullah, Pensyarah Fakulti Muamalah Kewangan Islam, Kolej Universiti Islam Perlis, Temu bual pada 1 Februari 2021.

NoorKartina binti Mohamad, Pensyarah Fakulti pengurusan, Kolej Universiti Islam Perlis, Temu bual pada 31 Januari 2021.

Shi, J. (2020) Refuse “Online full Irrigation” and guide students to learn independently offline. Chin Edu News. Sun, Y, Strobel, J, & Newby, T.J. (2017). The Impact of Student Teaching Experience on Preservice Teachers’ Readiness for Technology Integration: A Mixed Methods Study with Growth Curve Modelling. Educational Technology Research and Development, 65(3), 597-629.

Umbit, A. F. & Taat, M. S. (2016). Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Penerimaan Epembelajaran Dalam Kalangan Pelajar Di Institut Pendidikan guru di Sarawak. Jurnal Penyelidikan IPGK Bil.13, 1-14.

Wibawa.S. (2018). Pendidikan dalam Era Revolusi Industri 4.0. Yogyakarta: UST.
Worlitz, J., stabler, A., Peplowsky, S. & Woll, R. (2016). Video Tutorials: An Appropriate Way of Teaching Quality Management Tools Applied with Software. Quality Innovation Prosperity. 20(2):169-184.

Zawiah binti Bahrom. (2020). Pedagogi Norma Baharu: Cabaran dan Hikmah. Jurnal Refleksi Kepemimpinan Jilid III, hlm. 75-80.

Zetty Raihan Mohd Yassin. (2020). Menangani Cabaran Norma Baharu Pembelajaran Dan Pengajaran Era Covid-19. <https://news.utm.my/ms/2020/05/menangani-cabaran-norma-baharu-pembelajaran-dan-pengajaran-era-covid-19/> 24 November 2020.